

PEMBAYARAN BANTUAN AM DAN BANTUAN MEMBAIKI RUMAH

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI TERENGGANU (JKMNT)



OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada pembayaran Bantuan Am (BA) dan Bantuan Membaiki Rumah (BMR) dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.




453 Fail
Disemak

BA
421

BMR
32

BANTUAN AM

APA YANG SEPATUTNYA




APA YANG BERLAKU

KESAN

316 Permohonan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penimbang

105 Permohonan diluluskan **TANPA** Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penimbang



RM231,050
Pembayaran
Tidak Teratur

RUMUSAN AUDIT



Pembayaran kepada penerima BA dilaksanakan dengan tidak teratur dan perlu ditambah baik.

1

**SYOR
AUDIT**

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI TERENGGANU

3. PEMBAYARAN BANTUAN AM DAN BANTUAN MEMBAIKI RUMAH

FAKTA UTAMA

Peruntukan dan Perbelanjaan Sebenar bagi tahun 2021	
Bantuan Am	Peruntukan : RM49.51 juta Belanja : RM49.50 juta (99.9%)
Bantuan Membaiki Rumah	Peruntukan : RM600,000 Belanja : RM396,519 (66.1%)

1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu (JKMNT) berperanan untuk meningkatkan kesejahteraan dan membangunkan masyarakat penyayang melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial yang dijalankan. JKMNT menerima peruntukan daripada Kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi membiayai program bantuan yang dilaksanakan. Program yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan negeri adalah program bantuan am, bantuan membaiki rumah, elaun latihan bekerja, bantuan bencana alam, bantuan cermin mata dan waran tiket. Program bantuan yang dibiayai melalui peruntukan Persekutuan pula adalah bantuan kanak-kanak, elaun pekerja orang kurang upaya (EPOKU), bantuan orang kurang upaya tidak berupaya bekerja, bantuan penjagaan OKU terlantar/pesakit kronik terlantar, bantuan warga emas, bantuan anak pelihara, bantuan latihan perantis, bantuan geran pelancaran, bantuan alat tiruan, bantuan mangsa serangan binatang buas dan tabung bantuan segera.

1.2. Bantuan Am (BA) yang dilaksanakan melalui kaedah bantuan bulanan merupakan bantuan jangka pendek dalam bentuk wang tunai yang diberikan kepada individu atau isi rumah yang berkelayakan bagi menampung kos sara hidup seterusnya meringankan kesulitan kewangan. Bantuan Membaiki Rumah (BMR) pula merupakan bantuan yang diberikan sekali gus bagi membaiki rumah yang rosak untuk menyediakan tempat kediaman yang lebih selesa dengan kadar maksimum berjumlah RM8,000.

1.3. Bermula tahun 2010, semua permohonan bantuan yang diterima oleh JKMNT akan didaftarkan dalam Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (eBantuan) untuk tujuan pengurusan dan pemantauan. Proses penilaian dan kelulusan permohonan bantuan akan dikemas kini dalam eBantuan bagi memudahkan urusan pemantauan oleh JKMNT dan semakan oleh pemohon bantuan. Penyata pembayaran bulanan BA akan dijana daripada eBantuan sebelum agihan pembayaran dibuat secara pembayaran terus ke akaun bank

penerima yang layak. Pembayaran kepada penerima BMR pula hanya akan dibuat selepas kelulusan permohonan dikemas kini dalam eBantuan.

1.4. Pada tahun 2021, peruntukan dan perbelanjaan kewangan bagi BA dan BMR adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SEBENAR
BANTUAN AM DAN BANTUAN MEMBAIKI RUMAH BAGI TAHUN 2021

JENIS BANTUAN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
Bantuan Am	49,509,141	49,497,586	99.9
Bantuan Membaiki Rumah	600,000	396,519	66.1

Sumber: JKMNT

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menentukan sama ada pembayaran BA dan BMR dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi pematuhan terhadap pembayaran bagi dua program yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan negeri bagi tahun 2021, iaitu BA dan BMR. Pengauditan dijalankan di JKMNT dan tiga Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) iaitu PKMD Setiu, PKMD Dungun dan PKMD Kemaman. Bilangan baucar bayaran yang disemak adalah kesemua (100%) BA (421) dan BMR (32) yang diluluskan pada tahun 2021 seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
BILANGAN BAUCAR BAYARAN YANG DISEMAK

PKMD	BANTUAN AM	BANTUAN MEMBAIKI RUMAH	JUMLAH
Setiu	142	29	171
Dungun	125	2	127
Kemaman	154	1	155
JUMLAH	421	32	453

Sumber: Sistem eBantuan JKMNT

3.2. Pengauditan dijalankan dengan menyemak minit mesyuarat Jawatankuasa Penimbang Bantuan JKMNT (Jawatankuasa Penimbang), fail penerima bantuan, baucar bayaran serta dokumen lain yang berkaitan. Semakan melalui sistem eBantuan dan temu bual dengan pegawai dan kakitangan juga dibuat bagi mendapatkan maklumat lanjut terhadap isu yang dibangkitkan. Selain itu, lawatan fizikal juga turut dilakukan di tujuh

rumah penerima bantuan bagi mengesahkan bantuan dan kerja pembaikan rumah telah disempurnakan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Februari hingga Julai 2022. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 20 Julai 2022 dan maklum balas daripada JKMNT telah diterima pada 7 Ogos 2022. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

4.1. Kelulusan Bantuan Am Berjumlah RM231,050 Tidak Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penimbang

4.1.1. Berdasarkan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kali ke-19 Tahun 2018, semua permohonan dan penamatan BA bulanan hendaklah diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penimbang. Jawatankuasa Penimbang perlu bersidang bagi membincangkan dengan lebih terperinci berkaitan pelbagai bentuk bantuan seliaan JKMNT terutamanya BA. Ahli Jawatankuasa Penimbang terdiri daripada Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen, Pegawai Penyelaras Dewan Undangan Negeri, Pegawai Daerah dan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah. Kadar agihan BA yang ditetapkan adalah antara RM200 hingga RM450 sebulan bagi setiap penerima.

4.1.2. Berdasarkan data sehingga bulan Jun 2022 dalam sistem eBantuan, sejumlah RM1.04 juta telah dibayar kepada 421 penerima BA yang diluluskan di PKMD Setiu, Dungun dan Kemaman. Semakan Audit mendapati **hanya seramai 316 daripada 421 penerima BA melibatkan pembayaran berjumlah RM0.80 juta diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penimbang. Baki seramai 105 penerima yang melibatkan pembayaran berjumlah RM231,050 tidak diluluskan melalui mesyuarat Jawatankuasa Penimbang. Kelulusan untuk 105 penerima ini hanya dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Penimbang sahaja.** Maklumat terperinci seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
JUMLAH KES YANG DILULUSKAN DALAM SISTEM eBANTUAN
BERBANDING MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENIMBANG

SUMBER MAKLUMAT	SETIU		DUNGUN		KEMAMAN		JUMLAH	
	BIL. KES LULUS	JUMLAH BAYARAN* (RM)	BIL. KES LULUS	JUMLAH BAYARAN* (RM)	BIL. KES LULUS	JUMLAH BAYARAN* (RM)	BIL. KES LULUS	JUMLAH BAYARAN* (RM)
Sistem eBantuan	142	319,900	125	290,050	154	426,150	421	1,036,100
Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tahun 2021	109	241,300	125	290,050	82	273,700	316	805,050
PERBEZAAN**	33	78,600	0	0	72	152,450	105	231,050

Sumber: Sistem eBantuan dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penimbang Tahun 2021

Nota: (*) - Bayaran yang dibuat sehingga 30 Jun 2022

(**) - Jumlah kelulusan tanpa melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penimbang

4.1.3. Perkara ini berlaku disebabkan pihak PKMD selaku Urus Setia Jawatankuasa Penimbang sukar mendapatkan tarikh daripada semua ahli Jawatankuasa untuk menetapkan tarikh mesyuarat. Sepanjang tahun 2021, mesyuarat Jawatankuasa Penimbang hanya bersidang sebanyak satu hingga tiga kali. Kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Penimbang di Daerah Setiu, Dungun dan Kemaman bagi tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEKERAPAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENIMBANG TAHUN 2021

PKMD	KEKERAPAN	TARIKH MESYUARAT		
		BIL. 1	BIL. 2	BIL. 3
Setiu	2	30.03.2021	14.11.2021	-
Dungun	3	01.04.2021	09.08.2021	09.11.2021
Kemaman	1	18.04.2021	-	-

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penimbang Daerah Tahun 2021

4.1.4. Pembayaran BA berjumlah RM231,050 kepada 105 penerima adalah tidak teratur kerana tidak diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penimbang. Selain itu, Jawatankuasa Penimbang yang kurang bersidang menyebabkan keputusan permohonan BA lewat dipertimbangkan.

Maklum Balas JKMNT pada 7 Ogos 2022

JKMNT telah memohon pandangan daripada pengerusi Jawatankuasa Penimbang berikutan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Pengerusi meminta JKMNT mengemukakan permohonan bagi kelulusan khas setelah disokong oleh ahli mesyuarat yang lain. JKMNT berpandangan bahawa kelulusan tersebut telah memadai setelah mendapat sokongan daripada ahli mesyuarat dan kelulusan daripada pengerusi. Hal ini kerana ketiadaan garis panduan dan terma rujukan yang jelas berkaitan perkara ini yang boleh dijadikan rujukan.

Selain itu, pengerusi Jawatankuasa Penimbang akan meluluskan bantuan di luar mesyuarat berdasarkan lawatan ke lapangan. Jika kes tersebut kronik dan memerlukan bantuan dengan segera, pengerusi akan meluluskan bantuan tersebut bagi meringankan beban kes yang dilawati.

JKMNT akan mengesyorkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri supaya mewujudkan satu garis panduan atau terma rujukan yang jelas bagi memudahkan pelaksanaan mesyuarat Jawatankuasa Penimbang.

Pernyataan Audit | **Pembayaran BA berjumlah RM231,050 kepada 105 penerima adalah tidak teratur kerana tidak diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penimbang.**

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan pembayaran kepada penerima BA dilaksanakan dengan tidak teratur dan perlu ditambah baik. Ini kerana pembayaran sejumlah RM231,050 kepada 105 penerima BA telah diluluskan tanpa melalui mesyuarat Jawatankuasa Penimbang.

6. SYOR AUDIT

Pihak JKMNT hendaklah memastikan kelulusan diperoleh terlebih dahulu melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penimbang sebelum pembayaran dibuat kepada penerima BA.